OE jadi ekosistem usahawan Asia

- **Sambut ulang tahun ke-10**
- **Perkenal 5 pelan transformasi**

KUALA LUMPUR – Persidangan kemuncak OE EduGroup CEO (ketua pegawai eksekutif) Alumni yang berlangsung di sini, baru-baru ini telah berjaya menghimpunkan hampir 1,000 alumni CEO, usahawan, mentor dan komuniti perniagaan bagi meraikan ulang tahun penubuhan syarikat yang ke-10.

Sidang kemuncak ini bukan sekadar sambutan ulang tahun tetapi menjadi platform bagi mengumumkan hala tuju OE untuk tempoh 10 tahun akan datang, selain mengimbau pencapaian pendidikan sepanjang sedekad lalu.

Dalam masa yang sama, OE turut memperkenalkan pelan transformasinya untuk menjadi sebuah ekosistem usahawan Asia berbanding menjadi sebuah platform pendidikan keusahawanan.

Pengerusi OE, Datuk Dr. Calvin Khiu berkata, cabaran yang dihadapi oleh sesebuah syarikat pada peringkat perkembangan yang berbeza tidak lagi terhad kepada aspek pembelajaran dan pengetahuan semata-mata.



CALVIN (tiga dari kanan) pada Persidangan Kemuncak OE EduGroup CEO Alumni di Kuala Lumpur baru-baru ini.

Bagaimanapun, jelasnya, cabaran tersebut turut merangkumi pembangunan pasukan, keupayaan jualan, penjenamaan, sumber industri, perancangan modal dan pewarisan perniagaan.

"Sehubungan itu, OE akan menjadikan konsep 'Satu Ekosistem, Lima Sistem Pertumbuhan' sebagai teras pembangunan masa hadapannya bagi membina sebuah sistem pertumbuhan jangka panjang yang lebih menyeluruh untuk golongan usahawan," katanya dalam kenyataan bersempena sambutan ulang tahun yang diraikan syarikat.

Calvin menerangkan, terdapat lima ekosistem yang diperjelaskan dalam persidangan tersebut, pertama adalah sistem pertumbuhan pendidikan akan dapat meningkatkan pemikiran seorang CEO, memperkukuh keupayaan jualan, membina budaya pasukan dan menyusun semula model perniagaan.

Ekosistem kedua pula menyentuh tentang sistem pertumbuhan jenama yang akan dapat membantu usahawan membina jenama peribadi, meningkatkan pengaruh syarikat, menyampaikan kisah perniagaan dengan lebih berkesan, memperluas pendedahan media dan merancang strategi pemasaran kandungan.

Ekosistem lain adalah sistem pertumbuhan industri yang dapat menghubungkan sumber industri, membuka peluang untuk mempelajari amalan syarikat contoh, menemukan rakan kerjasama dan membantu pelaksanaan projek.

Calvin memperincikan ekosistem kelima pula adalah sistem pertumbuhan modal yang akan dapat membantu usahawan memahami perancangan ekuiti, meningkatkan nilai syarikat, menghubungkan perniagaan dengan modal strategik dan menggalakkan penggabungan serta penyepaduan perusahaan.

Bagi ekosistem kelima pula melibatkan sistem pertumbuhan pewarisan yang membantu syarikat membina dan mengekalkan budaya korporat, melahirkan barisan pelapis, menyatukan persefahaman keluarga dan melaksanakan tanggungjawab sosial.

Selain itu, pada majlis tersebut, OE turut melancarkan buku baharu *Triple Win Mindset* yang mana buku tersebut bukan sahaja memberi perhatian kepada pencapaian sesebuah syarikat, malah menekankan bagaimana syarikat, rakan kerjasama dan masyarakat dapat mencipta nilai.

Ia juga memfokuskan kepada perkembangan perniagaan yang dibina berasaskan kerjasama untuk tempoh jangka panjang.

Imbangi teknologi pendidikan

KOTA BHARU – Kemajuan teknologi dalam pendidikan perlu diseimbangkan dengan penerapan nilai, etika dan kemanusiaan bagi memastikan pembangunan pendidikan yang holistik dan mampan.

Timbalan Ketua Pengarah (Pendidikan) Majlis Amanah Rakyat (Mara), Zahari Aziz berkata, kerjasama antarabangsa dalam memperluas perkongsian ilmu, pengalaman dan amalan terbaik penting bagi membangunkan sistem pendidikan yang bersedia menghadapi cabaran masa hadapan.

"Apabila kita bergerak menuju Pendidikan 5.0, tumpuan kita tidak boleh terhad kepada kemajuan teknologi semata-mata.

"Teknologi dan inovasi perlu dipandu oleh nilai, etika dan kemanusiaan bagi melahirkan individu yang berkeupayaan intelektual, bertanggungjawab kepada masyarakat serta mempunyai jati diri yang kukuh," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menghadiri Persidangan Antarabangsa Pendidikan Kali Ke-4 (ICTE) yang menghimpunkan lebih 4,000 peserta di sini kelmarin.

Persidangan bertemakan *Transforming Educators for Education 5.0: Bridging Technology, Innovations and Values* itu turut menyaksikan penyertaan 718 kumpulan dalam pertandingan inovasi digital yang mengetengahkan elemen kecerdasan buatan (AI), integriti dan kelestarian.



ZAHARI (empat dari kiri) bersama tetamu kenamaan sempena ICTE 2026 di Kota Bharu.

Pertandingan inovasi digital menyaksikan empat *Diamond Award* diberikan kepada kategori *Professional Innovator, Ace Innovator, Pioneer Innovator* dan *Novice Innovator*.

Lima penerima turut diiktiraf menerusi Anugerah Poster Terbaik ICTE, termasuk wakil KPTM Ipoh, Jabatan Kemajuan Masyarakat, Universiti Teknologi Mara, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra dan Universiti Malaya.

Ketua Pegawai Eksekutif KPTM, Radzuan Razali berkata, perkongsian ilmu dan pembentukan jaringan kerjasama merupakan antara manfaat penting yang perlu dibawa pulang oleh peserta.

Beliau menyifatkan kehadiran sarjana, pemikir dan pendidik dari dalam serta luar negara sebagai bukti bahawa ilmu mampu menghubungkan masyarakat tanpa batasan geografi.

Panda Tata sasar buka 30 cawangan baharu

KUALA LUMPUR – Panda Tata, jenama baharu dalam industri makanan segera di negara ini, sedang membuat perancangan terperinci untuk meluaskan empayar perniagaannya dengan lebih agresif dalam tempoh tiga tahun ini.

Buat tahun pertama, syarikat yang berasal dari Guangzhou, China yang memiliki lebih 400 cawangan di negara itu menyasarkan untuk membuka antara 20 hingga 30 outlet baharu yang dioperasikan melalui konsep francais.

Pengurus Operasinya, Daniel Leng berkata, ini adalah cawangan pertama syarikat di Malaysia dan juga di luar Guangzhou.

"Kami bangunkannya dengan kerjasama antara rakan kongsi dua negara bagi menjadikan projek sulung ini sebagai projek contoh untuk pelan pengembangan masa depan," kataya ketika ditemui selepas majlis pelancaran outlet sulung Panda Tata di pusat beli-belah Nu Sentral baru-baru ini.



DANIEL LENG menunjukkan tanda bagus pada majlis pelancaran outlet sulung Panda Tata di Kuala Lumpur baru-baru ini.